TEMA 1 Suluh Masa Depan

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1 Hampir 12 peratus belia kini telah dikisytiharkan _____ kerana kekurangan ilmu dalam perancangan kewangan.
A sukar C tewas
B muflis D miskin

2 Sesi _____ antara pemimpin negara semasa persidangan itu telah berakhir dengan penetapan beberapa dasar utama.
A epilog C prolog
B dialog D monolog

3 Sebelum dilantik, seseorang calon haruslah melepasi sesi _____ yang telah ditetapkan oleh pihak majikan.
A janji temu C temu duga
B temu bual D temu lawak

4 Amran bercadang ingin memajukan kilang batik ayahnya dengan membeli beberapa buah mesin bagi menggantikan kaedah cantingan secara _____ sebelum ini.
A nasional C vokasional
B tradisional D profesional

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan**. *Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis** *ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1 Pada setiap hari Rabu, semua murid wajib menjalani latihan ko-kurikulum.

_____

2 Seseorang yang mampu bertutur dalam dewibahasa akan lebih mendapat keutamaan bagi mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan.

_____

3 Sebagai seorang guru perasekolah, Puan Mahani seorang yang sangat penyabar melayan kerenah murid-muridnya yang baru berusia lima tahun.

_____

4 Puan Sri Datin Amar Salmah binti Ismail atau lebih dikenali sebagai Saloma merupakan salah seorang seni wati yang tersohor dalam bidang lakonan dan nyanyian.

_____

5 Beberapa orang maha siswi dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang membuat lawatan sambil belajar ke Jepun telah dipilih untuk memperagakan baju kimono oleh pihak penganjur.

_____

LIVEWORKSHEETS